



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 24 April 2026



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

KPDN percepat tindakan kes seleweng barang kawalan

Saluran pendakwaan pantas antara dicadang percepat proses undang-undang

Oleh Nurhanim Osman
nurhanim.osman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menyegerakan proses tindakan undang-undang membabitkan kesalahan mengikut Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.

Antara cadangan penambahan yang dikemukakan termasuk penyediaan saluran pendakwaan pantas (*fast-track*), pelantikan hakim khusus serta penyelarasan pasukan pengurusan kes antara agensi dan institusi berkaitan bagi mempercepat proses pendengaran serta pelupusan kes.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata keputusan itu dibuat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penyelarasan Antara Agensi Penguatkuasaan Bagi Membanteras Ketirisan dan Penyeludupan (JTPAP) pada 6 April lalu.

Beliau berkata, proses itu merangkumi siasatan, pendakwaan dan pendengaran di mahkamah.

"Pendekatan ini bagi memperkukuh penguatkuasaan terhadap ketirisan barang kawalan, khususnya petrol dan diesel, serta memastikan pihak bertanggungjawab segera dihadapkan ke muka pengadilan.

"Sekali gus menjadi sebahagi-

an daripada mekanisme pencegahan serta pengurusan risiko penyelewengan dan penyeludupan demi menjamin keterjaminan bekalan untuk rakyat dan kegunaan dalam negara," katanya dalam kenyataan, semalam.

Armizan berkata, susulan keputusan itu, KPDN sudah mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan dan menerima maklum balas positif daripada Jabatan Peguam Negara (AGC) serta Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan.

Katanya, KPDN turut memperkemaskan Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi kes serahan daripada agensi penguat kuasa lain kepada Bahagian Penguat Kuasa kementerian itu bagi memastikan penyediaan kertas siasatan dapat diselesaikan segera sebelum dikeselidiki kepada AGC.

Utamakan kes kartel

"Keutamaan akan diberikan kepada pendakwaan kes membabitkan kartel sindiket selain pendekatan bersasar seperti perundingan akuan bagi kes kecil.



Anggota penguat kuasa KPDN ketika menjalankan operasi membanteras penyeludupan barang kawalan.

Pendekatan ini bagi memperkukuh penguatkuasaan terhadap ketirisan barang kawalan, khususnya petrol dan diesel, serta memastikan pihak bertanggungjawab segera dihadapkan ke muka pengadilan



Armizan Mohd Ali,
Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Kos Sara Hidup

"Cadangan ini bertujuan mempercepat dan memperkukuh tindakan pendakwaan secara lebih berkesan, sekali gus memberi isyarat tegas bahawa aktiviti penyelewengan barang kawalan tidak akan dikompromi," katanya.

Beliau berkata, fokus JTPAP adalah memastikan kes yang dihasilkan melalui Ops Tiris 4.0 (BERSEPADU) akan segera diselesaikan ke peringkat pendakwaan dan pendengaran di mahkamah.

Armizan berkata, langkah itu

selari dengan komitmen kerajaan membanteras penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan ketika dunia berdepan krisis tenaga global.

Beliau berkata, susulan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Mac lalu, JTPAP diaktifkan serta merta manakala OPS TIRIS 4.0 (BERSEPADU) mula berkuat kuasa pada 16 Mac lalu.

Katanya, operasi itu membabitkan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa meliputi sektor daratan, perairan dan sempadan, dengan KPDN menerajui sektor daratan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengetuai sektor sempadan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menerajui sektor perairan.

Sepanjang tempoh 16 Mac hingga 22 April lalu, 20,020 pemeriksaan dilaksanakan di seluruh negara menerusi OPS TIRIS 4.0 (BERSEPADU), membabitkan 362 kes dan penahanan 105 individu.

"Daripada jumlah itu, kes membabitkan penyelewengan bahan api diesel dan petrol mencatatkan jumlah tertinggi dengan 157 kes diesel dan 78 kes petrol, diikuti 49 kes gas petroleum cecair (LPG), 42 kes minyak masak, 26 kes gula serta 10 kes tepung gandum," katanya.



ARMIZAN (dua dari kanan) ketika lawatan kerja di sebuah stesen minyak di Taman Mount Austin, Johor Bahru semalam.

Proses undang-undang tangani ketirisan diesel

JOHOR BAHRU – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) mengambil langkah tegas dengan menyegerakan proses undang-undang terhadap kes ketirisan dan penyeludupan barang kawalan, khususnya bahan api, susulan tekanan krisis tenaga global yang semakin meruncing.

Menteri KPDN, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, keputusan itu dibuat menerusi Jawatankuasa Tertinggi Penguatkuasaan Antara Agensi (JTPAP) yang bermesyuarat pada 6 April lalu, bagi memastikan tindakan penguatkuasaan dapat dilaksanakan secara pantas dan berkesan.

Menurut beliau, pendekatan baharu itu meliputi keseluruhan rangkaian proses perundangan bermula daripada siasatan, penyediaan kertas siasatan, pendakwaan, pendengaran di mahkamah hingga pelupusan

kes.

"Langkah ini bertujuan memastikan mana-mana pihak yang melakukan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dihadapkan segera ke muka pengadilan.

"Ia juga menjadi mekanisme pencegahan penting bagi membanteras ketirisan dan penyeludupan barang kawalan, terutama dalam situasi krisis tenaga dan bekalan global ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan kerja di sebuah stesen minyak di Taman Mount Austin, di sini, semalam.

Tambah Armizan, KPDN turut memperkemarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi serahan kes antara agensi penguat kuasa bagi memastikan rangkaian bukti lebih teratur dan kukuh untuk tujuan pendakwaan.

KPDN percepat proses dakwaan kes seleweng barang kawalan

Johor Bahru: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memperkemas Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi mempercepatkan proses pendakwaan kes penyelewengan barang kawalan di mahkamah.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, langkah itu diambil susulan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penyelarasan Antara Agensi Penguatkuasaan Bagi Membanteras Ketirisan dan Penyeludupan (JTPAP) pada 6 April lalu yang menekankan keperluan menyegerakan keseluruhan tindakan undang-undang di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.

Katanya, kementerian itu turut mengadakan perbincangan bersama Jabatan Peguam Negara serta Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang masing-masing memberi maklum balas positif dalam usaha mempercepatkan pengendalian kes.

"Penambahbaikan SOP berkenaan meliputi proses serahan kes daripada agensi penguatkuasaan lain kepada Bahagian Penguat Kuasa KPDN bagi memastikan kertas siasatan dapat disiapkan dengan lebih pantas sebelum dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

"Pendekatan ini bagi memastikan proses siasatan, pendakwaan dan pendengaran kes di mah-



ARMIZAN

kamah dapat dilaksanakan secara lebih efisien dan tersusun, sekali gus mempercepatkan tindakan terhadap pihak yang terlibat," katanya sempena lawatan kerja di sebuah stesen minyak di Taman Mount Austin di sini, semalam.

Armizan berkata, antara cadangan yang dikemukakan termasuk penyediaan saluran perbicaraan khas (fast-track), pelantikan hakim khusus serta penyelarasan pengurusan kes antara agensi bagi mempercepatkan pelupusan kes.

"Keutamaan akan diberikan kepada kes membabitkan kartel dan sindiket, manakala pendekatan rundingan akan dipertimbangkan bagi kes-kes kecil.

"Ini sejajar dengan komitmen kerajaan untuk membanteras aktiviti penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan khususnya bahan api dalam tempoh krisis global yang berlaku akibat konflik di Asia Barat," katanya.

KPDN segerakan tindakan babit kesalahan bawah Akta Kawalan Bekalan

JOHOR BAHRU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan menyegerakan keseluruhan proses tindakan undang-undang melibatkan kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961.



Menteri berkenaan Datuk Armizan Mohd Ali (**gambar**) berkata perkara itu diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Penyelarasan Antara Agensi Penguatkuasaan (JTPAP) pada 6 April lepas.

Beliau berkata proses tersebut meliputi siasatan, penyediaan kertas siasatan, pendakwaan, pendengaran sehingga pelupusan kes di mahkamah dengan keutamaan akan diberikan kepada kes-kes kartel

sindiket diesel, petrol, Gas Petroleum Cecair (LPG) dan bekalan kawalan lain.

“Pendekatan ini bertujuan mempercepat tindakan terhadap pihak yang terlibat dalam penyelewengan dan penyeludupan barang kawalan khususnya bahan api di samping menjadi mekanisme pencegahan dan pengurusan risiko.

“Dalam situasi krisis tenaga global yang kini memasuki fasa krisis bekalan, tindakan tegas dan pantas amat penting bagi memastikan keterjaminan bekalan untuk rakyat dan kegunaan di dalam negara.

“Kita mahu menyampaikan isyarat jelas kepada pihak yang bertanggungjawab bahawa kerajaan amat serius dan akan mengambil tindakan yang tegas untuk mengekang daripada tindakan yang bertentangan ini,” katanya. – Bernama

during inspections carried out on ...

KPDN: Fast-track action on offences under the Control of Supplies Act

JOHOR BAHRU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is moving to fast-track legal action against offences under the Control of Supplies Act 1961.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali announced that the decision was made during the meeting of the Supreme Committee for Inter-Agency Enforcement Coordination on April 6.

He explained that the expedited process covers everything from investigations and case papers to prosecutions, hearings, and final case disposal.

Priority will be given to cartel and syndicate cases involving diesel, petrol, lique-

fied petroleum gas and other controlled items.

"This approach aims to speed up action against those involved in the misappropriation and smuggling of controlled goods, especially fuel, as well as serve as a prevention and risk management mechanism," Armizan said.

"Firm and swift action is critical to ensure supply security for the people and domestic use. We want to send a clear signal to those responsible that the government is very serious and will take decisive action to curb these illegal activities," he stressed.



Enforcement officers carrying out inspection works at one of the premises.

Expired measuring equipment: Labuan supermarket penalised

Ahmad Apong

LABUAN: A supermarket here has been compounded by the Domestic Trade and Cost of Living Ministry (KPDN) for using an expired measuring device in its business operations.

State Enforcement Chief officer Amiluddin Malang said checks by enforcement officers found the premises was using a linear measuring device for goods sold by metre that had not been re-verified.

He said the device's certification had expired on Sept 21, 2025 but was still in use during inspections carried out on

Wednesday.

The offence falls under Section 14 of the Weights and Measures Act 1972, which requires all measuring instruments used for trade to be verified before use.

"If convicted, offenders may be fined up to RM10,000 or jailed for up to one year, or both," he said.

KPDN Labuan reminded traders to ensure all weighing and measuring devices are duly verified to guarantee accuracy and protect consumer rights.

Members of the public can channel complaints or information through official KPDN channels for further action.

KPDN moves to fast-track legal action against smugglers and fuel cartels

JOHOR BAHRU: The Ministry of Domestic Trade and Cost of Living (KPDN) is moving to fast-track legal action against offences under the Control of Supplies Act 1961.

Minister Datuk Armizan Mohd Ali announced that the decision was made during the meeting of the Supreme Committee for Inter-Agency Enforcement Coordination on April 6.

He explained that the expedited process covers everything from investigations and case papers to prosecutions, hearings, and final case disposal.

Priority will be given to cartel and syndicate cases involving diesel, petrol, liquefied petroleum gas and other controlled items.

"This approach aims to speed up action against those involved in the misappropriation and smuggling of controlled goods, especially fuel, as well as serve as a prevention and risk management mechanism," Armizan said at a press conference held at the Shell Austin petrol station during his working visit to Johor on Thursday. — Bernama

(吉隆坡23日讯) 罗厘司机涉滥用补贴柴油转卖牟利，在油站时添油时遭国内贸易及生活成本部雪州分局侦破，起获约1000公升柴油，经改装的油罐罗厘也被扣押。

该分局执法主任莫哈末哈尼占说，执法人员周三下午约3时，在巴生班达马兰一带巡逻时，发现一辆形迹可疑的油罐罗厘，正在一间油站添购柴油，随即展开检查并中止司机添

涉滥用补贴柴油转卖牟利 司机被逮 罗厘扣押

油行为。

他说，经检查发现，该罗厘油箱遭改装，可从油站油泵注入柴油后，再转移至另一个容量约5000公升的油槽内，当时油槽内装有约1000公升疑被挪用的补

贴柴油。

他指出，现场有一名40岁以下的本地男司机，该男子未能出示持有及运输受管制柴油的合法文件，已被扣留协助调查。

他说，当局相信相关行为涉及未经许可进行受管制商品交易，将在1961年供应管制法令第21条文和3(1)条文下展开调查。

“涉事油站也可能因违规批发或零售受管制商品，而在1974年供应管制条例下21(1)条文及3(1)条文下接受调查。”

他说，当局估计此案总价值约6万2000令吉，执法人员在油站巡查行动中，成功挽回约6000令吉的国家燃油补贴。

“在此案中，涉案柴油及罗厘已被扣押，并送往KPDN雪州分局证物仓库保管。”



■内贸易及生活成本部雪州分局在班达马兰一间油站拦截一辆可疑的油罐罗厘，成功起获约1000公升柴油。

莫哈末哈尼占说，自3月16日至4月21日期间，在“OPS TIRIS 4.0”行动下，国内贸易及生活成本部雪州分局共展开852项检查，涵盖676间油站、24家燃油批发商、146家非汽油产品零售商、1家持有受管制物品许可的五金店，以及5个非法仓库。

他说，期间共侦破17宗案件，包括5宗涉及非法仓库、1宗五金店、4宗涉及在油站的案件、5宗涉及燃

OPS TIRIS 4.0 扣逾 30 萬物品

油批发商，及2宗涉及食用油的零售店。

他指出，在“OPS TIRIS 4.0”行动下，当局扣押的物品总值超过30万令吉。

他强调，当局绝不会对任何违反1961年供应管制法令的个人或公司妥协。

在该法令下，一旦罪成，个人最高可被罚款100万令吉，再犯者罚款可高

达300万令吉，或监禁不超过3年，或两者兼施。

至于公司，初犯最高罚款为200万令吉，再犯则可达500万令吉。

同时，当局亦将严正看待滥用柴油补贴计划(SKDS)及渔民补贴的行为，并不排除建议撤销或暂停柴油补贴卡(fleet card)。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

Penglibatan sekolah dalam perlindungan harta intelek tunjuk perkembangan positif

KOTA KINABALU: Penglibatan sekolah dalam perlindungan harta intelek menunjukkan perkembangan yang positif dari semasa ke semasa.

Pengerusi Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Riduan Rubin, berkata sehingga kini, sebanyak 346 notifikasi hak cipta melalui Pemberitahuan Sukarela Hak Cipta (CVN) telah direkodkan melibatkan sekolah di seluruh negara.

Katanya, perkembangan itu menunjukkan kesedaran untuk melindungi karya kreatif dalam kalangan pelajar dan guru semakin meningkat.

Bagaimanapun, katanya, adalah penting untuk difa-

hami perlindungan hak cipta diperoleh secara automatik sebaik sahaja sesuatu karya dihasilkan, manakala notifikasi CVN berfungsi sebagai bukti pemilikan yang lebih kukuh sekiranya diperlukan pada masa hadapan.

"Dalam masa sama, bagi komponen harta intelek lain, jumlah permohonan yang direkodkan masih rendah, iaitu 12 permohonan cap dagangan, 9 permohonan paten dan 6 permohonan reka bentuk perindustrian yang melibatkan pihak sekolah di seluruh negara.

"Perbandingan ini menunjukkan walaupun pelajar aktif menghasilkan karya kreatif, perlindungan terhadap inovasi dan pen-

ciptaan yang berpotensi untuk dikomersialkan masih belum diberi penekanan yang sewajarnya," katanya.

Beliau berucap semasa Program IP Talk-Game On: Create. Protect. Own. yang diadakan di Sekolah Sukan Malaysia Sabah di sini, pada Rabu.

Riduan berkata statistik tersebut menunjukkan pelajar mempunyai idea dan kreativiti, namun langkah untuk melindungi dan memanfaatkan idea tersebut sebagai aset bernilai masih perlu diperkukuhkan.

"Jika dilihat kepada negeri-negeri yang terlibat dalam program pada hari ini, data menunjukkan bahawa potensi dalam kalangan pelajar

adalah amat besar, namun tahap pemanfaatan perlindungan harta intelek masih boleh dipertingkatkan.

"Bagi Sabah, sejumlah 34 notifikasi CVN telah difailkan sejak tahun 2023, namun permohonan bagi komponen lain masih rendah iaitu 1 cap dagangan dan 7 paten.

"Data ini menunjukkan bahawa walaupun aktiviti penciptaan dalam kalangan pelajar semakin berkembang, langkah untuk melindungi inovasi yang mempunyai potensi nilai komersial masih belum dimanfaatkan secara optimum," tambahnya.

Riduan berharap program berkenaan dapat membuka perspektif baharu kepada para pelajar yang kejayaan



TERIMA KASIH: Riduan (dua kanan) menerima cenderamata daripada M Rahim (dua kiri).

tidak hanya terhad kepada apa yang berlaku di gelanggang, tetapi juga kepada apa yang dihasilkan melalui pemikiran dan kreativiti.

Hadir sama Pengarah

Kanan Bahagian Cap Dagangan MyIPO, Sharifah Nadiyah Syed Sheikh, Penolong Pengarah Sektor Dasar, Perhubungan dan Perancangan, Bahagian Sukan

Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia, Adzrul Puddin dan Pengetua Sekolah Sukan Malaysia Sabah, M Rahim Md Lair. — Penerangan



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



KEMUNGKINAN PENINGKATAN KOS

Sebahagian besar kos peningkatan pembinaan biasanya dipindahkan kepada pengguna akhir kerana kebanyakan pemaju tidak mampu menyerap kenaikan kos yang terlalu tinggi

FOKUS

Oleh Puan Azzahra Mohd Puan
 azzahra@metro.com.my

Konflik geopolitik global seperti perang, sekatan ekonomi dan ketegangan perdagangan antara kuasa besar turut memberi kesan tidak langsung yang signifikan kepada pasaran hartanah di Malaysia. Berikutan ini, ia semakin banyak mendorong peningkatan kos bahan binaan seperti besi dan simen, selain gangguan rantaian bekalan serta kenaikan harga tenaga global. Apabila kos pembinaan meningkat, pemaju terpaksa menyerap semua harga binaan atau menanggungkan projek bina.



BNPFLI geopolitik global turut memberi kesan tidak langsung yang signifikan kepada pasaran hartanah di Malaysia.

Penasihat Pemasaran Ekonomi Pengiraan dan Kalkulasi (MACCEA) Prof Dr Ahmad Hariza Hashim berkata, meski isu konflik geopolitik global bukan pemacu utama tunggal bagi kenaikan kos pembinaan di Malaysia, ia boleh bertindak sebagai pemangkin atau penguat kuasa terhadap kos pembinaan. Konflik itu kata beliau, memberi kesan melalui gangguan laluan perdagangan kritikal seperti Selat Hormuz, yang mengakibatkan kenaikan harga tenaga global. Selain itu, konflik geopolitik turut memberi kesan kepada pasaran tenaga global. Dalam pada ini, Ahmad Hariza berkata, dalam tempoh masa hingga tiga tahun akan datang, tekanan kos pembinaan dijangka memuncak.

> 34

LANGKAH SUSULAN

Pengecualian cukai bagi projek perumahan kediaman dan bahan asas seperti simen juga dapat bantu kurangkan beban langsung kepada sektor perumahan rakyat



Turun naik harga minyak dunia mempunyai kaitan langsung dengan kos bahan binaan kerana pengeluaran keluli dan aluminium adalah sangat intensif tenaga

DR AHMAD HARIZA



Turun naik harga minyak dunia mempunyai kaitan langsung dengan kos bahan binaan kerana pengeluaran keluli dan aluminium adalah sangat intensif tenaga

meningkatkan yang signifikan. Sebahagian besar kos peningkatan pembinaan biasanya dipindahkan kepada pengguna akhir kerana kebanyakannya pemaju tidak mampu menyerap kenaikan kos yang terlalu tinggi. Beliau berkata, beberapa langkah dan dasar kerajaan boleh menolong membolehkan kos pembinaan antara pengeluaran tenaga VOP dalam konteks untuk membantu kos raker mengurangkan kesan naik kos bahan binaan. Selain itu, pengecualian cukai bagi projek perumahan kediaman dan bahan asas seperti simen juga dapat membantu mengurangkan beban langsung kepada sektor perumahan rakyat.

Pengurangan sistem kawalan dewan bersebelah seperti SKD 2.0 juga adalah langkah untuk mengurangkan kos pembinaan. Beliau berkata, langkah-langkah ini yang menyumbang kepada sekatan kos logistik. Sementara itu, Puan Azzahra berkata, langkah-langkah ini yang menyumbang kepada sekatan kos logistik.

Presidennya, Danial Ir. Hisham Sanjaya, telah berjanji akan melaksanakan langkah-langkah ini yang menyumbang kepada sekatan kos logistik. Sementara itu, Puan Azzahra berkata, langkah-langkah ini yang menyumbang kepada sekatan kos logistik.

Konflik geopolitik global seperti perang, sekatan ekonomi dan ketegangan perdagangan antara kuasa besar turut memberi kesan tidak langsung yang signifikan kepada pasaran hartanah di Malaysia. Berikutan ini, ia semakin banyak mendorong peningkatan kos bahan binaan seperti besi dan simen, selain gangguan rantaian bekalan serta kenaikan harga tenaga global. Apabila kos pembinaan meningkat, pemaju terpaksa menyerap semua harga binaan atau menanggungkan projek bina.



KETIDAKTENTUAN geopolitik global menyebabkan peningkatan kos bahan binaan seperti besi dan simen

Konflik geopolitik global seperti perang, sekatan ekonomi dan ketegangan perdagangan antara kuasa besar turut memberi kesan tidak langsung yang signifikan kepada pasaran hartanah di Malaysia. Berikutan ini, ia semakin banyak mendorong peningkatan kos bahan binaan seperti besi dan simen, selain gangguan rantaian bekalan serta kenaikan harga tenaga global. Apabila kos pembinaan meningkat, pemaju terpaksa menyerap semua harga binaan atau menanggungkan projek bina.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN

BERITA ONLINE BERTARIKH 24 APRIL 2026

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
24-Apr	KPDN mahu pendakwaan kes AKB dipercepat	https:// www.sinarharian.com.my/ article/776933/berita/nasional/ kpdn-mahu-pendakwaan-kes-akb- -dipercepat	SINAR HARIAN
24-Apr	KPDN mahu kes bawah AKB segera didakwa	https:// malaysiaga- zette.com/2026/04/23/kpdn- mahu-kes-bawah-akb-	MALAYSIA GAZETTE
24-Apr	KPDN percepat tindakan undang-undang di bawah kesalahan AKB 1961	https:// www.tvsarawak.my/2026/04/ 23/kpdn-percepat-tindakan -undang-undang-di-bawah- kesalahan-akb-1961-kpdn/	TVS
24-Apr	Ops Tiris 4.0: 362 kes direkodkan, penyelewengan diesel dan petrol tertinggi	https:// malaysiaga- zette.com/2026/04/23/ops- tiris-4-0-362-kes-direkodkan -penyelewengan-diesel-dan	MALAYSIA GAZETTE
24-Apr	Kadar pematuhan peniaga di Papar memberangsangkan	https:// sabahme- dia.com/2026/04/23/kadar- pematuhan-peniaga-di-	SABAH MEDIA
24-Apr	Compounded for not displaying price tags	https:// www.dailyexpress.com.my/ news/280096/compounded- for-not-displaying-price-	DAILY EXPRESS
24-Apr	Audit stesen minyak elak ketirisan	https://www.utusan.com.my/ nasional/2026/04/audit-stesen- minyak-elak-ketirisan/	UTUSAN
24-Apr	Lelaki ditahan seleweng minyak diesel guna lori tangki ubah suai	https:// malaysiaga- zette.com/2026/04/23/lelaki- ditahan-seleweng-minyak-diesel- guna-lori-tangki-ubah-suai-kpdn- selangor/	MALAYSIA GAZETTE

24-Apr	Tiga ditahan seleweng 11,500 liter diesel guna fleet card	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/tiga-ditahan-seleweng-11500-liter-diesel-guna-fleet-card/	UTUSAN
24-Apr	Tiga ditahan seleweng 11,500 liter diesel guna fleet card	https://www.malay.news/tiga-ditahan-seleweng-11500-liter-diesel-guna-fleet-card/	MALAY NEWS
24-Apr	Sindiket guna fleet card seleweng diesel tumpas	https://www.sinarharian.com.my/article/777002/video/berita-semasa-video/sindiket-guna-fleet-card-seleweng-diesel-tumpas	SINAR HARIAN
24-Apr	Sindiket penyalahgunaan fleet card seleweng diesel bersubsidi tumpas	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/sindiket-penyalahgunaan-fleet-card-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas/	RTM
24-Apr	Sindiket salah guna fleet card seleweng diesel bersubsidi tumpas	https://www.astroawani.com/video/sindiket-salah-guna-fleet-card-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas	ASTRO AWANI
24-Apr	Sindiket penyalahgunaan fleet card seleweng diesel bersubsidi tumpas	https://alhijrahnews.com/sindiket-penyalahgunaan-fleet-card-seleweng-diesel-bersubsidi-tumpas/	ALHIJRAH
24-Apr	Sindiket guna fleet card seleweng diesel tumpas	https://www.careta.my/article/sindiket-guna-fleet-card-seleweng-diesel-tumpas	CARETA
24-Apr	KPDN mahu tindakan mahkamah segera kepada pesalah ketirisan diesel, petrol	https://www.utusan.com.my/nasional/2026/04/kpdn-mahu-tindakan-mahkamah-segera-kepada-pesalah-lakukan-ketirisan-diesel-petrol/	UTUSAN
24-Apr	Krisis bekalan global: KPDN percepat tindakan undang-undang di bawah kesalahan AKB 1961	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/krisis-bekalan-global-kpdn-percepat-tindakan-undang-undang-di-bawah-kesalahan-akb-1961	ASTRO AWANI

24-Apr	Tindakan undang-undang Ops Tiris 4.0 disegerakan, lebih 300 kes direkodkan	https://sabahnews.com.my/tindakan-undang-undang-ops-tiris-4-0-disegerakan-lebih-300-kes-direkodkan-armizan/	SABAH NEWS
24-Apr	KPDN percepat tindakan undang-undang di bawah kesalahan AKB 1961	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kpdn-percepat-tindakan-undang-undang-di-bawah-kesalahan-akb-1961/	RTM
24-Apr	KPDN percepat tindakan undang-undang di bawah kesalahan AKB 1961	https://www.nabalunews.com/post/kpdn-percepat-tindakan-undang-undang-di-bawah-kesalahan-akb-1961	NABALU NEWS
24-Apr	KPDN percepat tindakan undang-undang di bawah kesalahan AKB 1961	https://www.utusanborneo.com.my/2026/04/23/kpdn-percepat-tindakan-undang-undang-di-bawah-kesalahan-akb-	UTUSAN BORNEO
24-Apr	Ops Tiris 4.0: tindakan undang-undang di mahkamah disegerakan	https://jendelamada-ni.net/2026/04/23/ops-tiris-4-0-bersepadu-tindakan-undang-undang-	JENDELA MADANI
24-Apr	KPDN moves to fast-track prosecution of fuel smuggling offences	https://www.nst.com.my/news/nation/2026/04/1424577/kpdn-moves-fast-track-prosecution-fuel-smuggling-	NST
24-Apr	Domestic Trade Ministry moves to fast-track legal action against smugglers and fuel cartels	https://theedgemalaysia.com/node/801021	THE EDGE

24-Apr	KPDN fast-tracks legal action against fuel smugglers	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/kpdn-fast-tracks-legal-action-against-fuel-smugglers/	THE SUN
24-Apr	Tindakan undang-undang kes ketirisan disegerakan di bawah Ops Tiris 4.0	https://wartaoriental.com/2026/04/23/tindakan-undang-undang-kes-ketirisan-disegerakan-di-bawah-ops-tiris-4-0/	WARTA ORIENTAL
24-Apr	贸消部加快审理统制品违法案件	https://www.sinchew.com.my/news/20260423/nation/7446725	SIN CHEW
24-Apr	内贸部出手！统制品违法案全面加快审理	https://uniteddaily.my/zh/67c85d79-3aa2-43ab-abf5-a327e0e04e25/%E5%86%85%E8%B4%B8%E9%83%A8%E5%87%BA%E6%89%8B%E7%BB%9F%E5%88%B6%E5%93%81%E8%BF%9D%E6%B3%95%E6%A1%88%E5%85%A8%E9%9D%A2%E5%8A%A0%E5%BF%AB%E5%AE%A1%E7%90%86	UNITED DAILY
24-Apr	阿米占：政府将设绿色通道指派专门法官速审走私案	https://news.seehua.com/post/1472617	SEE HUA
24-Apr	Gerei makanan diserbu, simpan 781 kg minyak masak	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/gerai-makanan-diserbu-simpan-781-kg-minyak-masak/	RTM
24-Apr	KPDN Kedah rampas 6,000 liter diesel disimpan tanpa kebenaran	https://berita.rtm.gov.my/kes/senarai-berita-kes/senarai-artikel/kpdn-kedah-rampas-sita-6000-liter-diesel-yang-disimpan-tanpa-kebenaran/	RTM

24-Apr	Minyak masak 680kg disimpan tanpa kebenaran, wanita ditahan	https://sabahkini2.co/en/news/7722/minyak-masak-680kg-disimpan-tanpa-kebenaran-seorang-wanita-ditahan/view	SABAH KINI
24-Apr	Pemilik syarikat umrah dipenjara sembilan bulan ingkar perintah tribunal tuntutan	https://harapan-daily.com/2026/04/23/akibat-ingkar-perintah-tribunal-tuntutan-pemilik-syarikat-umrah-ini-dipenjara-	HARAPAN DAILY